

# RM1b bina prasarana di sempadan Indonesia

m/s: 2

BH - 21/11/2023

## Peruntukan sebagai persediaan pembangunan ibu kota baharu di Nusantara, Kalimantan

Oleh Mohd Roji Kawi  
mdroji@bh.com.my

**Kuching:** Kerajaan meluluskan peruntukan RM1 bilion bagi membangunkan infrastruktur asas di sempadan Sarawak-Kalimantan, termasuk membina Kompleks Imigresen Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) sebagai persediaan pembangunan ibu kota baharu Indonesia di Nusantara, Kalimantan.

Selain ICQS, peruntukan itu


juga untuk memulakan kerja menaik taraf prasarana lain, termasuk jalan raya di kawasan berdekatan sempadan.

Mengumumkan perkara itu di sini, semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pembangunan di kawasan sempadan Sarawak yang berdekatan dengan Nusantara itu turut dibincangkan dalam pertemuannya dengan Presiden Indonesia, Joko Widodo di Jakarta, minggu lalu.

"Dalam pertemuan itu dibincangkan mengenai pembangunan ibu kota baharu Indonesia yang berdekatan sempadan Sarawak dan sebahagiannya di Sabah.

"Justeru kita putuskan untuk memberi peruntukan tambahan bagi penyediaan ICQS dan keselamatan seperti polis dan tentera serta menyediakan prasarana asas seperti jalan raya kerana kita tidak mahu dilihat terlalu daif," katanya.

Beliau berkata demikian pada



Anwar bersama Abang Johari, Hajiji serta Fadillah pada sidang media selepas Mesyuarat MA63 di Kuching, semalam.

(Foto Nadim Bokhari/BH)

sidang media selepas Mesyuarat Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak di sini, semalam.

Yang hadir sama, Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg; Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof.

### Segera bina pos kawalan

Anwar berkata, Kementerian Kewangan sudah meluluskan peruntukan awal sebanyak RM1 bilion bagi memulakan kerja pembangunan pos kawalan sempadan itu dalam tempoh segera.

Pos kawalan sempadan itu dirancang dibina di Tapak Megah yang terletak di pedalaman Baleh

dalam Bahagian Kapit.

Ketika lawatan rasmi ke Indonesia minggu lalu, Anwar dilaporkan berkata Malaysia akan mencari jalan terbaik untuk memastikan pembangunan ibu negara baharu Indonesia, Nusantara di Kalimantan dapat memberi manfaat kepada wilayah

ekonomi di Sabah dan Sarawak.

Bercakap pada sidang media bersama Joko Widodo atau lebih dikenali sebagai Jokowi, Anwar juga berkata pentadbiran Sabah dan Sarawak memuji inisiatif besar Jokowi membangunkan Nusantara.

## Bonus penjawat awam dikecualikan cukai

**Kuching:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengumumkan pengecualian cukai bagi pemberian bonus kepada semua pegawai perkhidmatan awam di semua negeri.

"Sekarang ini bonus diberikan kerajaan negeri tertakluk kepada cukai, tetapi atas permintaan Abang Johari (Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg) dan saya rasa ia munasabah, bonus dikecualikan daripada cukai dan ini terpakai untuk semua pegawai perkhidmatan awam di semua negeri," katanya.